PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2014

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia berkembang 6.4% pada suku kedua 2014

Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana pada suku kedua. Ekonomi Amerika Syarikat kembali pulih selepas terjejas oleh keadaan cuaca yang luar biasa pada suku pertama. Pertumbuhan di Jepun, bagaimanapun, telah menerima kesan daripada pelaksanaan kadar cukai penggunaan yang lebih tinggi pada bulan April. Di Asia, aktiviti ekonomi dalam kebanyakan negara terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana.

Pertumbuhan berkembang pada suku kedua
(pada harga malar tahun 2005)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 6.4% pada suku kedua 2014 (S1 2014: 6.2%), disokong oleh eksport yang lebih tinggi dan permintaan dalam negeri swasta yang terus meningkat. Dari segi penawaran, pertumbuhan sektor ekonomi utama kekal teguh, disokong oleh aktiviti perdagangan dan aktiviti dalam negeri. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara meningkat sebanyak 1.8% (S1 2014: 0.8%).

Eksport dan aktiviti sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada suku kedua. Pelaburan swasta terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.1% (S1 2014: 14.1%), mencerminkan pelaburan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan.

Penggunaan swasta meningkat sebanyak 6.5% (S1 2014: 7.1%), disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan kenaikan upah yang berterusan. Sebaliknya, perbelanjaan sektor awam merosot sebanyak 2.1% (S1 2014: 2.7%). Penggunaan awam mengalami sedikit kemerosotan sebanyak 1.3% (S1 2014: 11.2%), mencerminkan perbelanjaan Kerajaan yang lebih rendah untuk emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Pelaburan awam merosot sebanyak 3.3% (S1 2014: -6.4%), disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah untuk aset tetap oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam.

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam sektor ekonomi utama kekal kukuh. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang mampan, disokong terutamanya oleh subsektor berkaitan perdagangan. Pertumbuhan pada kadar yang lebih cepat dalam sektor perkilangan disokong oleh kelompok elektronik dan elektrik, khususnya separa konduktor. Sektor pembinaan pula berkembang dengan lebih sederhana, didorong terutamanya oleh subsektor kediaman dan bukan kediaman. Sementara itu, sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang kukuh, mencerminkan peningkatan dalam pengeluaran minyak sawit. Sektor perlombongan kembali pulih kepada pertumbuhan yang positif disebabkan terutamanya oleh pengeluaran gas asli dan minyak mentah yang lebih tinggi.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat kadar purata 3.3% pada suku kedua 2014 (S1 2014: 3.4%). Penurunan sedikit ini disebabkan oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* serta kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain*.

Lebihan perdagangan berjumlah RM18.4 bilion pada suku kedua 2014 (S1 2014: RM26.3 bilion). Eksport kasar meningkat dengan lebih

kukuh pada kadar 14.2% (S1 2014: 10.8%), mencerminkan aktiviti ekonomi global yang terus berkembang. Import kasar juga meningkat pada kadar 8.6% (S1 2014: 5.5%).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM423.6 bilion (bersamaan dengan USD131.9 bilion) pada 30 Jun 2014. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Julai 2014, kedudukan rizab berjumlah RM423.5 bilion (bersamaan dengan USD131.8 bilion), memadai untuk membiayai 9.0 bulan import tertangguh dan ialah 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek yang didefinisikan semula.

Kadar faedah kekal stabil

Kadar faedah antara bank 3 bulan terus meningkat pada suku kedua disebabkan oleh pemberi pinjaman antara bank mengutamakan pemberian pinjaman jangka lebih pendek, selaras dengan kecenderungan mereka terhadap deposit bertempoh matang yang lebih pendek. Ini diperkukuh oleh jangkaan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) antara bulan Mei hingga Julai, lantas menyebabkan pergerakan kadar antara bank terus menaik. Kadar purata antara bank bagi tempoh matang lain secara relatif kekal stabil. Kadar deposit runcit stabil pada suku kedua. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Kadar pinjaman juga pada amnya stabil sepanjang suku kedua. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53% manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul adalah stabil pada tempoh tersebut (akhir bulan Jun 2014: 5.37%; akhir bulan Mac 2014: 5.39%).

OPR pada suku kedua 2014 kekal pada 3.00%. Dengan prospek pertumbuhan yang kukuh dan inflasi dijangka kekal melebihi kadar purata jangka panjangnya, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) memutuskan untuk menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada 10 Julai 2014. Pelarasan terhadap tahap dasar monetari yang akomodatif ini juga bertujuan mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang lebih luas yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan jangka panjang ekonomi Malaysia. Kadar pinjaman borong dan runcit serta kadar deposit dinaikkan kepada paras yang selaras dengan paras OPR semasa. BLR purata bank perdagangan meningkat kepada 6.78%, dengan kebanyakan bank perdagangan menaikkan BLR masing-masing sebanyak 25 mata asas. Para pendeposit juga mendapat manfaat melalui kadar pulangan yang lebih tinggi bagi simpanan mereka berikutan kenaikan OPR. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata meningkat antara 15 hingga 17 mata asas kepada julat yang lebih tinggi iaitu 3.07% hingga 3.30% pada akhir bulan Julai. Meskipun OPR lebih tinggi, keadaan monetari terus kekal menyokong aktiviti ekonomi.

Agregat monetari terus berkembang pada suku kedua. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM2.2 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 10.2% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2014: 11.4%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM19.8 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.6% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 5.9%). Peningkatan M3 pada suku kedua didorong oleh pemberian kredit sistem perbankan kepada sektor swasta yang terus berkembang dan tuntutan bersih yang lebih tinggi terhadap Kerajaan.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM281 bilion pada suku kedua (S1 2014: RM282.2 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 9.1% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2014: 9.6%). Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal lebih rendah pada RM17.2 bilion pada suku kedua (S1 2014: RM39.4 bilion).

Ringgit dan kebanyakan mata wang serantau lain menambah nilai berbanding dengan

dolar Amerika Syarikat (AS) berikutan prospek pertumbuhan serantau yang kukuh dan dasar monetari yang sangat akomodatif dan berterusan di Amerika Syarikat telah mengekalkan minat pelabur terhadap pasaran kewangan serantau. Sentimen positif susulan pengumuman data ekonomi dalam negeri yang lebih baik daripada jangkaan, terutamanya pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada suku pertama dan kadar pertumbuhan eksport yang lebih kukuh juga menyokong ringgit. Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 1.8% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (2.6%) dan yen Jepun (0.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.6%) dan dolar Australia (-0.2%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menunjukkan prestasi yang bercampur-campur.

Antara 1 Julai hingga 13 Ogos 2014, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 0.6%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (2.7%), dolar Australia (2.1%), paun sterling (2%) dan yen Jepun (1.6%). Ringgit mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan pada suku kedua dalam keadaan pasaran kewangan global dan domestik yang bertambah baik. Pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan.

Permodalan sistem perbankan kekal tinggi, dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1, CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.2%, 13% dan 14.8%. Jumlah penampan modal sistem perbankan berada pada paras melebihi RM80 bilion. Begitu juga, nisbah kecukupan modal sektor insurans kekal kukuh pada 249.7% (S1 2014: 249.7%), dengan lebihan penampan modal sebanyak RM25.7 bilion.

Ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil

Melangkah ke hadapan, ekonomi global dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana. Aktiviti ekonomi yang bertambah baik baru-baru ini menunjukkan bahawa pemulihan kitaran (cyclical recovery) terus berlaku dalam beberapa ekonomi maju. Ini akan terus menyumbang kepada aktiviti perdagangan antarabangsa. Di Asia, permintaan dalam negeri dijangka terus menyokong pertumbuhan. Walau bagaimanapun, perkembangan khusus dalam sesebuah negara boleh menjejaskan kadar pertumbuhan keseluruhan ekonomi ini. Oleh itu, imbangan risiko secara keseluruhannya bagi ekonomi global masih cenderung kepada pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh ketidakpastian mengenai pelarasan dasar dalam ekonomi utama dan juga perkembangan geopolitik. Ketegangan geopolitik yang berlarutan di Eropah Timur dan Timur Tengah mungkin meningkatkan ketidaktentuan pasaran kewangan dan memberikan kesan terhadap pemulihan ekonomi global yang berterusan.

Bagi ekonomi Malaysia, pertumbuhan eksport dijangka menjadi perlahan sedikit pada separuh kedua tahun 2014, sebahagiannya mencerminkan kesan asas yang nyata dalam tempoh yang sama pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, penunjuk utama menunjukkan bahawa aktiviti sektor swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Eksport akan terus mendapat manfaat daripada pemulihan dalam ekonomi maju dan permintaan serantau. Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEDUA 2014

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan ekonomi global sederhana

Aktiviti ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada suku kedua tahun 2014. Keadaan ekonomi beransur-ansur bertambah baik bagi kebanyakan ekonomi maju, dengan ekonomi Amerika Syarikat (AS) kembali pulih selepas terjejas oleh keadaan cuaca yang luar biasa pada suku pertama. Pertumbuhan di Jepun, bagaimanapun, menerima kesan daripada pelaksanaan cukai penggunaan yang lebih tinggi pada bulan April. Di Asia, aktiviti ekonomi terus berkembang, walaupun kebanyakan ekonomi mencatat kadar pertumbuhan yang lebih sederhana. Keadaan monetari global kekal akomodatif, meskipun terdapat sedikit perbezaan dalam hala tuju dasar monetari ekonomi maju.

Keadaan pasaran kewangan global bertambah baik pada suku kedua, mencerminkan prestasi ekonomi yang lebih baik dalam kebanyakan ekonomi maju. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan masih tidak menentu berikutan sentimen pasaran yang terjejas oleh ketegangan geopolitik di Eropah Timur dan Timur Tengah, serta perkembangan dasar dalam ekonomi maju. Secara khususnya, meskipun jangkaan dan pengumuman susulan mengenai langkah pelonggaran monetari di kawasan euro meningkatkan sentimen pasaran pada suku kedua, keyakinan pelabur terjejas oleh tanda-tanda kenaikan kadar faedah lebih awal daripada jangkaan di AS dan di UK. Kebanyakan indeks ekuiti utama juga menunjukan trend lebih tinggi pada suku kedua. Di Asia, meskipun ekuiti Jepun pada mulanya terjejas oleh kebimbangan terhadap pertumbuhan berikutan pelaksanaan kenaikan cukai penggunaan pada bulan April, trend menurun ini bertukar arah pada bulan Mei berikutan prospek inflasi yang bertambah baik serta keyakinan bahawa strategi pertumbuhan yang dikaji semula kerajaan akan merangsang pertumbuhan jangka panjang. Pengumuman mengenai langkah untuk meliberalkan pasaran modal RR China serta peningkatan data ekonominya turut menyokong keyakinan pelabur di rantau itu.

Pertumbuhan dalam ekonomi AS bertambah baik kepada 2.4% (S1 2014: 1.9%). Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, ekonomi AS kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 4% (S1 2014: -2.1%). Dari segi komponen pertumbuhan, perbelanjaan pengguna dan pelaburan perniagaan meningkat dengan sederhana, disokong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk kenderaan motor dan kelengkapan. Selain itu, keadaan pasaran pekerja kekal menggalakkan pada suku kedua, apabila peluang pekerjaan meningkat kepada 831,000 (S1 2014: 569,000) berikutan penggunaan tenaga kerja yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan sektor awam. Inflasi meningkat kepada 2.1% (S1 2014: 1.4%), mencerminkan kos yang lebih tinggi untuk makanan, perubatan dan bekalan perubatan .

Kawasan euro terus pulih secara beransur-ansur pada suku kedua. Permintaan luar negeri yang lebih tinggi terus meningkatkan prestasi eksport manakala permintaan dalam negeri disokong oleh keadaan monetari yang lebih akomodatif dan tahap konsolidasi fiskal yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, keadaan permintaan keseluruhan kekal lemah dalam keadaan kadar pengangguran yang tinggi, keadaan kredit yang ketat dan pelarasan lembaran imbangan yang berterusan oleh sektor awam dan sektor swasta. Inflasi menjadi sederhana kepada 0.6% (S1 2014: 0.7%), disebabkan oleh harga yang lebih rendah untuk makanan dan barangan perindustrian bukan tenaga.

Aktiviti ekonomi di UK berkembang sebanyak 3.1% pada suku kedua (S1 2014: 3%). Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan, dengan pertumbuhan yang menyeluruh dalam semua subsektor. Kadar inflasi menjadi sederhana sedikit kepada 1.6% (S1 2014: 1.7%) berikutan inflasi makanan yang lebih rendah.

Di Jepun, aktiviti ekonomi menguncup (-0.1%: S1 2014: 3%) berikutan pelaksanaan cukai penggunaan yang lebih tinggi pada 1 April. Pertumbuhan penggunaan swasta merosot sebanyak 2.5% (S1 2014: +3.5%) dalam keadaan perbelanjaan runcit yang lebih rendah, manakala sentimen perniagaan yang lebih lemah menyebabkan aktiviti pelaburan lebih sederhana (5.3%; S1 2014: 11.6%). Dalam sektor luaran, eksport menjadi perlahan (5.5%; S1 2014: 9.4%), disebabkan terutamanya oleh penghantaran yang lebih rendah ke Asia dan AS. Inflasi (tidak termasuk makanan segar) meningkat (3.3%; S1 2014: 1.3%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan cukai penggunaan. Inflasi teras (tidak termasuk makanan dan tenaga) juga meningkat kepada 2.3% (S1 2014: 0.7%).

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan Tahunan (%)				
AS	1.8[d]	1.7[d]	1.9[d]	2.4[a]	2.2[a]
UK	1.8	1.2	3.0	3.1[p]	3.0[p]
Jepun	1.2	0.6	3.0	-0.1[p]	1.4[p]

[a] Anggaran awal
[p] Awalan
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Hala tuju dasar monetari dalam ekonomi maju berbeza-beza pada suku kedua. Walau bagaimanapun, pendirian dasar monetari keseluruhan kekal sangat akomodatif bagi kesemua ekonomi ini. Di AS, Federal Reserve (Fed) terus mengecilkan kadar pembelian asetnya sebanyak USD10 bilion susulan setiap kali mesyuaratnya, lantas mengurangkan jumlah pembelian aset kepada USD25 bilion mulai bulan Ogos 2014 (bulan April 2014: USD55 bilion; bulan Disember 2013: USD85 bilion). Pada mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) pada bulan Jun, Fed turut menurunkan unjuran pertumbuhannya bagi tahun 2014 kepada 2.1 - 2.3% (Sebelumnya: 2.8% - 3%), disebabkan terutamanya oleh prestasi ekonomi yang lebih rendah daripada jangkaan pada suku pertama, manakala unjuran kadar pengangguran bagi tahun 2014 diturunkan kepada 6.0% - 6.1% (Sebelumnya: 6.1% - 6.3%). Berdasarkan unjuran ini, Fed telah membayangkan dalam minit mesyuarat FOMC pada bulan Jun bahawa program pembelian asetnya mungkin dihentikan pada bulan Oktober 2014, jika pemulihan berterusan dan jika inflasi kembali kepada sasaran jangka panjangnya sebanyak 2%. Di UK, Bank of England (BoE) juga telah menunjukkan tanda-tanda kemungkinan dasar monetari akan kembali kepada keadaan yang wajar jika momentum aktiviti ekonomi terus meningkat.

Sebaliknya, European Central Bank (ECB) meneruskan pelaksanaan pelonggaran dasar monetari pada bulan Jun untuk menyokong keadaan kredit, merangsang pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan risiko deflasi. Langkah yang diambil termasuk mengurangkan kadar pembiayaan semula utama (kadar repo) kepada 0.15% (Sebelumnya: 0.25%), menurunkan kadar pinjaman marginal dan kadar deposit masing-masing kepada 0.40% dan -0.10%, serta menangguhkan operasi pensterilan di bawah Program Pasaran Sekuriti untuk menambah mudah tunai dalam sistem perbankan. Satu siri operasi pembiayaan semula jangka panjang bersasar (targeted longer-term refinancing operations, TLTRO) juga diperkenalkan. Bank dibenarkan meminjam sehingga 7% daripada pinjaman terkumpul mereka kepada sektor swasta di kawasan euro, tidak termasuk gadai janji isi rumah, pada kadar yang rendah daripada ECB. ECB juga mengumumkan bahawa langkah persediaan berkaitan pembelian secara terus sekuriti bersandarkan aset akan ditingkatkan. Sementara itu, Bank of Japan (BoJ) menegaskan semula komitmennya untuk mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif dalam keadaan pemulihan ekonomi yang lemah.

Di Asia, pertumbuhan terus meningkat dalam beberapa ekonomi, walaupun pada kadar yang lebih sederhana, disebabkan oleh perkembangan khusus di negara tersebut. Di Singapura dan Korea, pertumbuhan adalah lebih rendah masing-masing pada 2.4% (S1 2014: 4.8%) dan 3.6% (S1 2014: 3.9%), disebabkan terutamanya oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta yang lembap. Di Indonesia, pertumbuhan yang lebih

rendah sedikit, iaitu sebanyak 5.1% (S1 2014: 5.2%), mencerminkan pengurangan dalam penggunaan kerajaan dan pelaburan yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan di RR China berkembang pada kadar yang lebih cepat sedikit, iaitu sebanyak 7.5% (S1 2014: 7.4%), disokong oleh peningkatan yang menyeluruh bagi semua industri. China Taipei juga mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi (3.8%; S1 2014: 3.1%), disokong oleh pelaburan serta penggunaan kerajaan yang lebih kukuh.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan Tahunan (%)				
RR China	7.5	7.6	7.4	7.5	7.5
Indonesia	5.8	5.9	5.2	5.1	5.2
Korea	2.7	2.4	3.9	3.6[a]	3.8[a]
Singapura	4.0	2.8	4.8[d]	2.4[d]	3.6[d]
China Taipei	2.7	2.1	3.1	3.8[a]	3.5[a]

[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Inflasi meningkat di kebanyakan ekonomi Asia disebabkan terutamanya oleh inflasi makanan yang lebih tinggi, khususnya di Filipina, Singapura, China Taipei, Korea dan Thailand. Sebaliknya, inflasi di Hong Kong dan Indonesia menjadi sederhana, disebabkan oleh kos perumahan, pengangkutan dan komunikasi yang lebih rendah. Di RR China, inflasi kekal stabil apabila harga penjagaan kesihatan dan pakaian yang lebih tinggi diimbangi oleh kos perumahan dan rekreasi yang lebih rendah.

Berikutan pertumbuhan ekonomi yang sederhana pada suku kedua, kebanyakan bank pusat di rantau ini mengekalkan kadar dasar utama mereka. Bank of Thailand, Bank of Korea dan Bank Indonesia mengekalkan kadar dasar mereka masing-masing pada 2.00%, 2.50% dan 7.50%. Pada bulan Julai, Bangko Sentral ng Pilipinas menaikkan kadar dasar utamanya sebanyak 25 mata asas kepada 3.75% sebagai langkah awalan terhadap tanda-tanda tekanan inflasi yang semakin meningkat dan jangkaan inflasi yang lebih tinggi.

Harga minyak mentah Brent meningkat kepada purata USD110 setong (S1 2014: USD108 setong) pada suku kedua. Harga kekal tinggi pada suku kedua, didorong terutamanya oleh kebimbangan terhadap kemungkinan gangguan bekalan akibat ketegangan geopolitik di Eropah Timur dan Timur Tengah, serta permintaan yang meningkat dari RR China, apabila penggunaan minyak meningkat kepada 10.2 juta tong sehari (S1 2014: 10 juta tong sehari). Pada 18 Jun, ketegangan yang semakin meningkat di Iraq, iaitu pengeluar minyak kedua terbesar OPEC, menyebabkan harga mencecah paras tertinggi pada tahun 2014 (USD115 setong). Walau bagaimanapun, disebabkan tiada gangguan sebenar dalam bekalan minyak Iraq, harga minyak mentah Brent menjadi sederhana kepada USD112 setong menjelang akhir suku kedua.

Kebanyakan mata wang utama dan serantau mengakhiri suku kedua lebih tinggi berbanding dengan dolar AS. Dalam ekonomi maju, yen Jepun mendapat manfaat daripada permintaan terhadap mata wang selamat berikutan ketegangan geopolitik yang meningkat di Eropah Timur dan Timur Tengah. Paun sterling menambah nilai berikutan tanda-tanda kemungkinan berlakunya kenaikan kadar faedah yang lebih awal daripada jangkaan oleh Bank of England. Sebaliknya, euro menyusut nilai berikutan jangkaan dan susulan pengumuman mengenai pelonggaran monetari seterusnya oleh ECB. Di Asia, kebanyakan mata wang mengakhiri suku kedua lebih tinggi berbanding dengan dolar AS. Won Korea mencecah paras tertinggi untuk tempoh 6 tahun disebabkan oleh lebihan akaun semasa yang lebih tinggi daripada jangkaan. Walau bagaimanapun, rupiah Indonesia menyusut nilai disebabkan sentimen pelabur yang terjejas oleh ketidakpastian apabila negara itu menghadapi pilihan raya serta unjuran Bank Indonesia bahawa defisit akaun semasa mungkin bertambah buruk pada suku kedua 2014.

Melangkah ke hadapan, ekonomi global dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana. Aktiviti ekonomi yang bertambah baik baru-baru ini menunjukkan bahawa pemulihan kitaran terus berlaku

dalam beberapa ekonomi maju. Ini akan terus menyumbang kepada aktiviti perdagangan antarabangsa. Di Asia, permintaan dalam negeri dijangka terus menyokong pertumbuhan. Walau bagaimanapun, perkembangan khusus dalam sesebuah negara boleh menjejaskan kadar pertumbuhan keseluruhan dalam ekonomi ini. Oleh itu, imbangan risiko secara keseluruhan bagi ekonomi global masih cenderung kepada pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh ketidakpastian mengenai pelarasan dasar dalam ekonomi utama dan juga perkembangan geopolitik. Ketegangan geopolitik yang berlarutan di Eropah Timur dan Timur Tengah mungkin meningkatkan ketidaktentuan pasaran kewangan dan memberikan kesan terhadap pemulihan ekonomi global yang berterusan.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan lebih kukuh pada suku kedua

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 6.4% pada suku kedua 2014 (S1 2014: 6.2%). Secara keseluruhan, pertumbuhan disokong oleh eksport yang lebih tinggi dan permintaan dalam negeri swasta yang terus meningkat. Eksport barangan dan perkhidmatan benar meningkat pada kadar yang lebih cepat manakala pertumbuhan import barangan dan perkhidmatan benar pula menjadi sederhana lantas menghasilkan eksport bersih yang meningkat dengan ketara. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara meningkat sebanyak 1.8% (S1 2014: 0.8%).

Permintaan dalam negeri disokong aktiviti sektor swasta

Permintaan dalam negeri meningkat sebanyak 5.7% pada suku kedua 2014 (S1 2014: 7.4%). Aktiviti sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada suku ini dalam keadaan pelaburan dan penggunaan yang kukuh. Perbelanjaan sektor awam merosot pada suku ini disebabkan oleh pelaburan dan penggunaan awam yang lebih rendah.

Aktiviti sektor swasta meningkat sebanyak 8.1% (S1 2014: 8.8%), melebihi kadar purata jangka panjangnya sebanyak 6.9%. **Pelaburan swasta** terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.1% (S1 2014: 14.1%). Prestasi yang memberangsangkan ini disumbangkan terutamanya oleh pelaburan dalam sektor perkhidmatan, khususnya dalam kediaman, pengangkutan dan pendidikan swasta, serta pelaburan dalam industri perkilangan berorientasikan eksport. **Penggunaan swasta** meningkat sebanyak 6.5% (S1 2014: 7.1%) pada suku kedua. Perbelanjaan isi rumah terus disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan.

Sebaliknya, perbelanjaan sektor awam merosot sebanyak 2.1% (S1 2014: 2.7%). **Penggunaan awam** mencatat sedikit kemerosotan sebanyak 1.3% (S1 2014: 11.2%), mencerminkan terutamanya perbelanjaan Kerajaan yang lebih rendah untuk emolumen, serta bekalan dan perkhidmatan. **Pelaburan awam** merosot pada suku itu, walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu 3.3% (S1 2014: -6.4%) disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah untuk aset tetap oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam.

Dari segi jumlah pelaburan, **pembentukan modal tetap kasar (PMTK)** berkembang sebanyak 7.2% (S1 2014: 6.3%). Dari segi jenis aset, peningkatan ini didorong oleh perbelanjaan untuk jentera dan kelengkapan (9.1%; S1 2014: -1.8%) dalam keadaan pelaburan untuk struktur yang sederhana (6.7%; S1 2014: 14.7%).

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri					
Agregat (tidak termasuk stok)	7.2	7.3	7.4	5.7	6.5
Sektor swasta	8.0	7.6	8.8	8.1	8.4
Penggunaan	*6.8*	*6.6*	*7.1*	*6.5*	*6.8*
Pelaburan	*11.1*	*10.6*	*14.1*	*12.1*	*13.0*
Sektor awam	4.7	6.5	2.7	-2.1	0.2
Penggunaan	*11.9*	*6.4*	*11.2*	*-1.3*	*4.4*
Pelaburan	*-3.8*	*6.6*	*-6.4*	*-3.3*	*-4.9*
Eksport Bersih	-37.1	-23.7	14.9	91.0	42.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*-4.4*	*-3.9*	*7.9*	*8.8*	*8.3*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*-1.3*	*-1.8*	*7.1*	*3.9*	*5.5*
KDNK	**4.5**	**4.4**	**6.2**	**6.4**	**6.3**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**1.6**	**t.d.**	**0.8**	**1.8**	**t.d.**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset

% bahagian kepada PMTK benar



* Aset lain termasuk cari gali mineral, penyelidikan & pembangunan, dsb.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan kukuh dalam sektor ekonomi utama

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam sektor ekonomi utama kekal kukuh. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang mampan, disokong terutamanya oleh subsektor berkaitan perdagangan. Pertumbuhan pada kadar yang lebih cepat dalam sektor perkilangan disokong oleh kelompok elektronik dan elektrik, khususnya separa konduktor. Sektor pembinaan pula berkembang pada kadar yang lebih sederhana, didorong terutamanya oleh subsektor kediaman dan bukan kediaman. Sementara itu, sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang kukuh hasil daripada pengeluaran minyak sawit yang meningkat. Sektor perlombongan kembali pulih kepada pertumbuhan yang positif disebabkan terutamanya oleh pengeluaran gas asli dan minyak mentah yang lebih tinggi.

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan mampan sebanyak 6.0% pada suku kedua (S1 2014: 6.6%). Subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 9.1% (S1 2014: 8.6%), disokong oleh pengembangan dalam segmen borong sejajar dengan aktiviti perdagangan yang lebih tinggi. Pertumbuhan subsektor pengangkutan dan penyimpanan adalah mampan (4.6%; S1 2014: 4.8%), disokong oleh aktiviti pengangkutan darat dan di pelabuhan. Dalam subsektor komunikasi, pertumbuhan terus teguh (9.8%; S1 2014: 10.2%), didorong oleh permintaan yang kukuh terhadap perkhidmatan komunikasi data berikutan tawaran menarik daripada syarikat telekomunikasi. Pertumbuhan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan kekal kukuh (7.4%; S1 2014: 8.6%), disokong terutamanya oleh segmen perkhidmatan perniagaan. Subsektor kewangan dan insurans mencatat pertumbuhan yang kecil sebanyak 0.6% (S1 2014: 2.4%), mencerminkan pertumbuhan yang lebih rendah dalam pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	7.1	0.3	3.2	2.3	7.1	4.6
Perlombongan	8.1	4.4	1.3	-0.8	2.1	0.6
Perkilangan	24.5	3.8	2.1	6.8	7.3	7.1
Pembinaan	3.8	10.0	12.0	18.9	9.9	14.3
Perkhidmatan	55.2	5.0	5.5	6.6	6.0	6.3
KDNK Benar	**100.0**[1]	**4.5**	**4.4**	**6.2**	**6.4**	**6.3**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.6**	**-**	**0.8**	**1.8**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**40.8**	**4.0**	**5.2**	**5.8**	**4.6**	**5.2**
Kewangan & insurans	16.6	-0.1	3.0	2.4	0.6	1.5
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.3	6.9	6.7	8.6	7.4	8.0
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	4.2	4.0	4.8	4.6	4.7
Komunikasi	7.4	9.8	9.4	10.2	9.8	10.0
Perkhidmatan Akhir	**59.2**	**5.7**	**5.8**	**7.1**	**7.0**	**7.1**
Perdagangan borong & runcit	26.1	5.2	5.4	8.6	9.1	8.9
Penginapan & restoran	4.5	4.9	5.7	6.1	5.6	5.9
Utiliti	4.5	4.1	4.0	3.2	2.7	2.9
Perkhidmatan Kerajaan	15.0	7.8	7.5	7.7	6.6	7.1
Perkhidmatan lain	9.1	5.3	5.2	4.8	4.5	4.6
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**[1]	**5.0**	**5.5**	**6.6**	**6.0**	**6.3**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	109.7	116.3	96.8	100.1	98.5
Indeks Perdagangan Runcit MIER	104.9	103.0	86.3	89.6	88.0
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	112.6	114.1	115.8	96.7	106.3
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	0.6	7.9	10.0	t.d.	t.d.
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	18.9	14.0	18.9	7.0[1]	13.9[2]
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	6.6	6.9	4.8	4.4	4.9
Jumlah pinjaman terkumpul	9.1	9.8	10.2	9.3	10.1
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	14.5	14.2	6.4	6.4	6.9
Import barangan penggunaan	12.4	7.8	15.6	7.1	11.1
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-4.3	4.1	1.4	11.2	6.3
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	0.5	0.1	3.7	7.2	5.5

[1] April-Mei 2014
[2] Jan-Mei 2014

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (RM juta pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**3.8**	**2.1**	**6.8**	**7.3**	**7.1**
Industri berorientasikan eksport	61.5	1.3	0.3	6.9	5.0	6.0
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	38.5	7.7	5.4	6.7	10.9	9.0
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**5.2**	**2.5**	**6.9**	**7.4**	**7.2**
Industri berorientasikan eksport	**74.8**	**4.1**	**1.4**	**6.6**	**5.4**	**6.0**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**24.2**	**8.1**	**5.5**	**14.6**	**13.6**	**14.1**
Antaranya:						
Elektronik	15.3	17.1	13.8	19.1	15.4	17.2
Keluaran elektrik	8.9	-7.7	-8.4	5.4	9.5	7.5
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**50.7**	**2.2**	**-0.4**	**3.0**	**1.3**	**2.1**
Antaranya:						
Kimia dan keluaran kimia	14.3	6.0	-1.6	1.2	-1.4	-0.2
Keluaran petroleum	21.0	5.8	-1.8	6.5	-0.4	3.1
Keluaran getah	2.5	4.9	9.2	1.3	-2.7	-0.7
Pemprosesan di luar estet	4.5	-0.2	5.1	0.9	12.2	6.4
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**25.2**	**8.6**	**5.8**	**7.8**	**12.9**	**10.4**
Kelompok berkaitan pembinaan	**11.3**	**6.1**	**5.6**	**3.2**	**4.6**	**3.9**
Antaranya:						
Keluaran berkaitan pembinaan	8.2	-1.2	0.2	1.2	6.6	4.0
Keluaran logam yang direka	3.1	21.9	16.9	6.9	1.2	3.8
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**13.8**	**10.9**	**5.9**	**11.8**	**20.2**	**16.1**
Antaranya:						
Kelengkapan pengangkutan	5.5	24.8	10.7	19.1	29.3	24.4
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.3	2.9	3.8	5.7	14.8	10.2

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.3% pada suku kedua (S1 2014: 6.8%), didorong oleh prestasi kukuh kelompok elektronik dan elektrik, khususnya separa konduktor. Pertumbuhan sektor ini turut disokong oleh prestasi lebih baik kelompok berorientasikan pasaran dalam negeri, khususnya perkilangan kelengkapan pengangkutan serta makanan, minuman dan tembakau.

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan kekal pada 78% (S1 2014: 78%). Industri berorientasikan eksport beroperasi pada tahap kapasiti 79% (S1 2014: 79%), manakala penggunaan kapasiti industri berorientasikan pasaran dalam negeri meningkat kepada 77% (S1 2014: 75%).

Setelah mencatat pertumbuhan yang luar biasa kukuh pada suku pertama, **sektor pembinaan** mencatat kadar pertumbuhan yang lebih sederhana pada suku kedua (9.9%; S1 2014: 18.9%). Pertumbuhan didorong terutamanya oleh subsektor kediaman, disokong oleh aktiviti pembinaan harta tanah mewah di Johor dan Lembah Klang. Subsektor bukan kediaman pula terus disokong oleh aktiviti pembinaan yang berkaitan dengan bangunan pejabat dan perniagaan runcit serta kilang dan institusi pengajian tinggi. Sementara itu, pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam disokong oleh projek rel dan utiliti seperti MRT, penyambungan LRT serta loji jana kuasa Tanjung Bin.

Sektor pertanian berkembang sebanyak 7.1% (S1 2014: 2.3%), sebahagian besarnya disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi. Sementara itu, **sektor perlombongan** kembali pulih kepada pertumbuhan yang positif sebanyak 2.1% (S1 2014: -0.8%), disebabkan terutamanya oleh pengeluaran gas asli dan minyak mentah yang lebih tinggi.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai kerja pembinaan yang siap	11.6	13.8	21.1	10.8	15.7
Kediaman	25.6	18.4	33.1	18.1	24.9
Bukan kediaman	0.5	-0.4	19.9	14.5	17.1
Kejuruteraan awam	13.8	28.4	10.5	1.8	6.0
Pertukangan khas[1]	3.3	0.1	49.3	9.8	27.5
Kelulusan perumahan	-37.8	-29.9	-47.6	-10.5	-28.8
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan	6.1	5.6	3.2	4.6	3.9
Simen hidraulik	4.7	3.9	1.3	7.1	4.3
Bahan lain daripada artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l	-2.2	-2.2	36.9	38.0	37.5
Produk porselin dan seramik lain	-3.3	-6.3	15.2	17.5	16.4
Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam dari simen, konkrit atau batu buatan	0.4	1.0	2.6	-6.2	-1.9
Import barangan modal (tidak termasuk barangan *lumpy*)	-5.4	0.4	-3.6	1.7	-0.9
Pinjaman untuk sektor pembinaan					
Kelulusan	-5.8	-18.6	-32.8	-16.7	-24.5
Pengeluaran	29.5	23.0	23.3	4.4	13.8

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2013 (%)	2013		2013		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**0.3**	**3.2**	**2.3**	**7.1**	**4.6**
Tanaman Industri	**53.8**	**-4.5**	**1.5**	**-1.0**	**9.3**	**4.2**
Antaranya:						
Kelapa Sawit	36.6	1.0	7.6	1.6	14.9	8.1
Getah	7.0	-25.2	-12.7	-12.1	-15.0	-13.3
Tanaman Makanan	**46.2**	**7.1**	**6.9**	**6.1**	**4.6**	**5.4**
Antaranya:						
Perikanan	14.7	0.6	4.1	2.1	0.4	1.3
Ternakan	12.4	8.4	7.4	7.9	6.1	7.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**4.4**	**1.3**	**-0.8**	**2.1**	**0.6**
Pengeluaran						
Antaranya:						
Minyak mentah	-	3.1	0.3	-3.5	4.0	0.3
Kondensat	-	3.2	-0.1	-0.9	-5.5	-3.2
Gas asli	-	7.5	5.2	1.2	1.6	1.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi menurun sedikit pada suku kedua

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat kadar purata 3.3% pada suku kedua 2014 (S1 2014: 3.4%). Penurunan sedikit ini disebabkan oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* (3.5%; S1 2014: 4.0%), yang sebahagiannya mencerminkan kesan asas kenaikan harga ayam segar yang ketara pada tahun lalu. Inflasi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* menurun kepada 3.3% (S1 2014: 3.5%), mencerminkan kenaikan kadar sewa yang lebih perlahan bagi kebanyakan jenis harta tanah pada suku kedua.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat sebanyak 3.2% pada asas tahunan (S1 2014: 3.0%). Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan komoditi dan bukan berkaitan komoditi masing-masing meningkat sebanyak 7.2% dan 1.2% pada suku kedua (S1 2014: masing-masing 6.8% dan 0.9%). Sementara itu, harga komponen tempatan dan komponen diimport masing-masing meningkat sebanyak 4.2% dan 1.0% (S1 2014: masing-masing 4.1% dan 0.4%).

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja menggalakkan

Keadaan pasaran pekerja kekal menggalakkan pada suku kedua. Jumlah guna tenaga meningkat kepada 13.6 juta orang (S1 2014: 13.5 juta orang) disebabkan oleh guna tenaga yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan. Kadar pengangguran pula lebih rendah pada 2.8% (S1 2014: 3.1%).

Jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia menurun kepada 2,051 orang (S1 2014: 2,437 orang). Kebanyakan daripada pemberhentian pekerja adalah dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Bilangan jawatan kosong yang dipaparkan dalam Portal JobsMalaysia kekal tinggi pada 246,884 jawatan (S1 2014: 353,030 jawatan). Agregat upah benar dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 4.5% (S1 2014: 3.6%), disokong oleh pertumbuhan upah yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan eksport.

Keadaan Pasaran Pekerja



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Kedudukan luaran kekal kukuh pada suku kedua

Lebihan akaun semasa menurun kepada RM16 bilion pada suku kedua, bersamaan dengan 6.3% daripada PNK (S1 2014: RM19.8 bilion atau 7.9% daripada PNK). Lebihan akaun semasa adalah lebih rendah disebabkan oleh lebihan akaun barangan yang lebih kecil dan defisit yang lebih tinggi dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan primer.

Lebihan perdagangan berjumlah RM18.4 bilion pada suku kedua (S1 2014: RM26.3 bilion). Eksport kasar meningkat pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 14.2% (S1 2014: 10.8%), hasil daripada peningkatan aktiviti ekonomi global yang berterusan. Import kasar juga meningkat dengan pertumbuhan sebanyak 8.6% (S1 2014: 5.5%).

Peningkatan eksport kasar adalah menyeluruh. Eksport perkilangan yang lebih baik disebabkan oleh pertumbuhan barangan elektronik dan elektrik (E&E) dan bukan E&E yang lebih tinggi, serta asas yang rendah daripada suku kedua tahun 2013. Eksport E&E terus mencatat kadar pertumbuhan dua angka, didorong oleh permintaan kukuh terhadap separa konduktor, manakala eksport barangan bukan E&E yang bertambah baik disokong oleh permintaan yang lebih kukuh terhadap produk berasaskan sumber. Eksport komoditi berkembang pada kadar yang lebih cepat, disokong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap petroleum dan LNG. Harga petroleum mentah dan minyak sawit yang lebih tinggi juga menyokong pertumbuhan eksport pada suku kedua. Dari segi destinasi, eksport ke ekonomi maju utama bertambah baik. Secara khususnya, eksport ke AS berkembang pada kadar yang lebih cepat selaras dengan ekonomi AS yang bertambah baik. Eksport ke rantau ASEAN juga meningkat.

Import kasar berkembang pada kadar yang lebih cepat pada suku kedua disebabkan oleh pertumbuhan eksport semula yang lebih kukuh dan pemulihan dalam import modal. Pertumbuhan dua angka yang berterusan dalam import produk untuk dieksport semula mencerminkan aktiviti penyimpanan yang terus berkembang di Johor selatan, yang sebahagian besarnya untuk menampung petroleum bertapis dan logam. Pemulihan import modal disebabkan terutamanya oleh peningkatan import bagi kelengkapan pengangkutan. Import barangan pengantara terus meningkat, disokong oleh prestasi kukuh eksport perkilangan pada suku kedua. Sementara itu, import barangan penggunaan meningkat pada kadar yang lebih perlahan, mencerminkan import yang lebih rendah bagi makanan dan minuman yang diproses, serta barangan pengguna tidak tahan lama.

Defisit akaun perkhidmatan meningkat kepada RM3.6 bilion pada suku kedua (S1 2014: -RM2.7 bilion). Defisit yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih yang lebih besar dalam akaun pengangkutan dan sebahagian kecilnya oleh penurunan penerimaan perjalanan bersih. Peningkatan dalam pembayaran untuk perkhidmatan pengangkutan adalah selaras dengan aktiviti perdagangan yang bertambah baik pada suku kedua, manakala penurunan dalam penerimaan perjalanan bersih disebabkan oleh jumlah ketibaan pelancong yang lebih rendah.

Imbangan Pembayaran[1]

	2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Akaun Semasa	**1.8**	**15.0**	**19.8**	**16.0**	**35.8**
(% daripada PNK)	*0.8*	*3.3*	*7.9*	*6.3*	*7.1*
Barangan	19.6	47.7	33.6	30.1	63.7
Perkhidmatan	-5.2	-7.7	-2.7	-3.6	-6.3
Pendapatan primer	-8.1	-16.1	-6.4	-7.7	-14.2
Pendapatan sekunder	-4.5	-8.7	-4.6	-2.8	-7.4
Akaun Kewangan	**4.4**	**5.6**	**-37.6**	**-11.8**	**-49.3**
Pelaburan langsung	-8.3	-11.1	-14.6	-4.4	-19.0
Aset	*-15.5*	*-27.1*	*-20.4*	*-16.6*	*-37.0*
Liabiliti	*7.2*	*16.1*	*5.8*	*12.2*	*18.0*
Pelaburan portfolio	3.3	7.2	-13.4	6.9	-6.5
Aset	*-11.4*	*-16.7*	*-7.6*	*-10.6*	*-18.2*
Liabiliti	*14.7*	*23.9*	*-5.8*	*17.6*	*11.7*
Derivatif kewangan	-1.4	-1.2	-1.5	0.2	-1.3
Pelaburan lain	10.8	10.6	-8.1	-14.5	-22.6
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-4.7	-15.0	0.4	-5.2	-4.8
Imbangan Keseluruhan	**1.5**	**5.6**	**-17.3**	**-1.0**	**-18.3**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**-5.4**	**-4.0**	**10.8**	**14.2**	**12.5**
Perkilangan	*76.2*	*-2.1*	*-0.8*	*12.5*	*13.6*	*13.1*
E&E	*32.9*	*-3.9*	*-4.4*	*12.5*	*13.1*	*12.8*
Bukan E&E	*43.3*	*-0.7*	*2.1*	*12.5*	*14.0*	*13.3*
Berasaskan sumber	*24.0*	*-1.1*	*4.3*	*9.1*	*14.8*	*11.8*
Bukan berasaskan sumber	*19.3*	*-0.3*	*-0.6*	*17.0*	*13.2*	*15.0*
Komoditi	23.1	-14.9	-13.2	6.1	16.7	11.1
Mineral	*13.5*	*-9.5*	*-8.4*	*8.8*	*25.2*	*16.4*
Pertanian	*9.6*	*-21.2*	*-19.1*	*2.1*	*5.5*	*3.8*
Import Kasar	**100.0**	**2.5**	**4.4**	**5.5**	**8.6**	**7.1**
Barangan pengantara	58.4	3.0	1.6	4.4	2.9	3.6
Barangan modal	15.2	-6.2	3.1	-6.6	9.1	1.1
Barangan penggunaan	7.3	12.4	7.8	15.6	7.1	11.1
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	19.0	5.0	15.2	15.7	30.3	22.8
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**-**	**8.2**	**24.6**	**26.3**	**18.4**	**44.7**

Nota: Keluaran petroleum ditapis telah diklasifikasikan semula sebagai barangan perkilangan dan bukan lagi barangan perlombongan mulai bulan Mei 2014

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Defisit dalam baki pendapatan primer meningkat kepada RM7.7 bilion (S1 2014: -RM6.4 bilion), apabila pendapatan pelaburan terakru kepada pelabur langsung asing dalam sektor perkhidmatan meningkat, dan pendapatan pelaburan terakru yang mampan kepada sektor perkilangan dan perlombongan. Pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negara pada keseluruhannya mampan, disokong terutamanya oleh pendapatan terakru kepada sektor perlombongan dan sektor perkhidmatan, khususnya subsektor kewangan dan insurans.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM11.8 bilion pada suku kedua 2014 (S1 2014: -RM37.6 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih yang lebih kecil dalam pelaburan langsung dan aliran masuk portfolio bersih yang meningkat semula.

Pelaburan langsung masuk (liabiliti pelaburan langsung) mencatat aliran masuk yang lebih besar sebanyak RM12.2 bilion (S1 2014: +RM5.8 bilion), disokong oleh pemberian modal ekuiti dan pelaburan semula perolehan yang lebih tinggi. Aliran masuk ini disalurkan terutamanya kepada syarikat dalam sektor perkhidmatan khususnya subsektor perkhidmatan kewangan dan insurans, serta dalam sektor perlombongan dan perkilangan.

Dari segi aset, pelaburan langsung keluar (aset pelaburan langsung) kekal tinggi dengan aliran keluar berjumlah RM16.6 bilion (S1 2014: -RM20.4 bilion), disebabkan oleh pemberian pinjaman antara syarikat yang besar dan berterusan untuk membiayai operasi syarikat Malaysia di luar negara. Pelaburan ini terutamanya daripada syarikat dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan, khususnya dalam subsektor maklumat dan komunikasi.

Pelaburan portfolio kembali pulih untuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM6.9 bilion (S1 2014: -RM13.4 bilion). Pada suku kedua, pengumuman data ekonomi yang menggalakkan dalam ekonomi utama serta jangkaan terhadap kadar dasar yang lebih tinggi di Malaysia menyebabkan aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin. Sementara itu, pelabur pemastautin terus memperoleh aset portfolio di luar negara.

Pelaburan lain mencatat aliran keluar besih sebanyak RM14.5 bilion (S1 2014: -RM8.1 bilion), apabila aliran keluar bersih daripada syarikat bukan bank mengatasi aliran masuk bersih yang kecil dalam sektor perbankan. Selain itu, pemberian kredit perdagangan oleh pengeksport juga berterusan.

Susulan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat defisit yang kecil sebanyak RM1 bilion (S1 2014:

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**8.1**	**-4.7**	**-3.8**	**4.2**	**13.4**	**8.9**
Kesatuan Eropah (EU)	**9.1**	**-3.4**	**-4.9**	**18.5**	**15.9**	**17.1**
Jepun	**11.1**	**-9.5**	**-9.5**	**9.2**	**8.2**	**8.7**
Negara ASEAN terpilih[1]	**27.6**	**0.8**	**5.3**	**2.9**	**13.3**	**8.0**
Timur Laut Asia	**24.4**	**-10.1**	**-7.8**	**20.2**	**16.6**	**18.3**
Republik Rakyat China	*13.5*	*-9.6*	*-5.9*	*15.3*	*3.6*	*9.3*
Hong Kong SAR	*4.3*	*-9.4*	*-9.2*	*35.0*	*41.4*	*38.4*
Korea	*3.6*	*-9.2*	*-6.4*	*15.9*	*10.3*	*13.4*
China Taipei	*2.9*	*-14.5*	*-15.6*	*28.1*	*44.6*	*36.8*
Asia Barat[2]	**3.4**	**5.4**	**2.2**	**-0.7**	**-9.1**	**-5.2**
India	**3.6**	**-10.2**	**-7.0**	**9.1**	**18.7**	**14.2**
Jumlah eksport	**100.0**	**-5.4**	**-4.0**	**10.8**	**14.2**	**12.5**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yaman dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

-RM17.3 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (E&O) berjumlah -RM5.2 bilion, dan sebahagiannya mencerminkan pengurangan nilai rizab antarabangsa akibat penilaian semula pertukaran asing, apabila ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama pada suku kedua.

Peningkatan kecil hutang luar negeri

Hutang luar negeri Malaysia yang didefinisikan semula[1] berjumlah RM729 bilion, bersamaan dengan USD224.7 bilion atau 67.9% daripada KDNK pada akhir bulan Jun 2014 (akhir bulan Mac 2014: RM702.3 bilion atau USD213.2 bilion, bersamaan dengan 65.4% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi ini disebabkan oleh peningkatan pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit dan deposit oleh bukan pemastautin, serta peminjaman luar pesisir yang lebih tinggi.

Peminjaman luar pesisir[2] meningkat kepada RM335.6 bilion pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2014: RM327.9 bilion). Peminjaman luar pesisir jangka sederhana dan panjang yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya peminjaman bersih oleh syarikat sektor swasta dan perusahaan awam, yang mengimbangi pembayaran balik bersih oleh Kerajaan Persekutuan. Sementara itu, peminjaman luar pesisir jangka pendek meningkat disebabkan oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi. Peningkatan peminjaman luar pesisir pada suku kedua diimbangi sebahagiannya oleh pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang serantau dan utama terpilih.

Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan, Bank Negara Malaysia dan syarikat meningkat kepada RM243 bilion pada akhir bulan Jun 2014 (akhir bulan Mac 2014: RM231.4 bilion), dengan peningkatan terutamanya dalam pemegangan sekuriti hutang jangka sederhana dan panjang. Ini mencerminkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia, serta tarikan kadar hasil yang lebih tinggi bagi tempoh matang tersebut. Penyertaan lebih aktif bukan pemastautin dalam pasaran bon Malaysia turut mencerminkan pasaran kewangan domestik yang lebih mendalam, terbuka dan teguh. Deposit bukan pemastautin meningkat kepada RM86.2 bilion pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2014: RM77.6 bilion).

Secara keseluruhan, lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai profil kematangan jangka panjang. Hutang luar negeri jangka pendek kekal terurus dan dapat ditampung oleh rizab sebanyak 1.2 kali.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2013	2014	
	akhir Jun	akhir Mac	akhir Jun
	RM bilion		
Pinjaman luar pesisir[1]	290.5	327.9	335.6
Jangka sederhana dan panjang	*176.0*	*199.2*	*204.8*
Sektor awam	87.8	97.9	98.7
Sektor swasta	88.2	101.3	106.2
Jangka pendek	*114.5*	*128.7*	*130.8*
Pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik	227.1	231.4	243.0
Jangka sederhana dan panjang	*153.5*	*156.5*	*167.3*
Jangka pendek	*73.6*	*74.9*	*75.8*
Deposit bukan pemastautin	62.0	77.6	86.2
Lain-lain[2]	65.4	65.4	64.3
Jangka sederhana dan panjang	*10.9*	*10.7*	*10.0*
Jangka pendek	*54.5*	*54.7*	*54.3*
Jumlah hutang luar negeri	**645.0**	**702.3**	**729.0**
Bersamaan USD bilion	*200.8*	*213.2*	*224.7*
Hutang luar negeri (Definisi terdahulu)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	29.4	30.5	31.3
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	39.4	39.2	39.0
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	3.8	3.3	3.2
Hutang luar negeri (Definisi semula)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	65.4	65.4	67.9
Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%)	47.2	47.8	47.6
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali)	1.4	1.3	1.2

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terdiri terutamanya daripada hutang mata wang asing diperoleh, dan bon dan nota terbitan luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Bersamaan dengan peminjaman luar pesisir jangka pendek.
[4] Pinjaman luar pesisir jangka pendek, pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik jangka pendek, deposit bukan pemastautin dan hutang jangka pendek lain.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[1] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Perkembangan Ekonomi Malaysia pada Suku Pertama 2014.

[2] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu.

Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi

Rizab antarabangsa BNM berjumlah RM423.6 bilion (bersamaan dengan USD131.9 bilion) pada 30 Jun 2014. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Julai 2014, kedudukan rizab berjumlah RM423.5 bilion (bersamaan dengan USD131.8 bilion), memadai untuk membiayai 9.0 bulan import tertangguh dan ialah 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek yang didefinisikan semula.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Hasil Kerajaan lebih tinggi

Hasil Kerajaan Persekutuan meningkat pada suku kedua sebanyak 2.1% pada asas tahunan, disebabkan oleh kutipan cukai langsung yang lebih tinggi. Hasil yang lebih tinggi ini disalurkan untuk menyokong perbelanjaan mengurus, yang didorong terutamanya oleh emolumen, serta pemberian kepada badan berkanun. Perbelanjaan pembangunan adalah lebih tinggi pada asas tahunan pada suku kedua, dengan sebahagian besar disalurkan kepada sektor ekonomi. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal sebanyak 2.3% daripada KDNK pada suku kedua. Defisit ini terus dibiayai oleh peminjaman dalam negeri. Pada akhir bulan Jun 2014, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM568.9 bilion atau 53% daripada anggaran KDNK bagi tahun 2014.

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	51.6	95.3	49.2	52.7	101.8
% pertumbuhan tahunan	*1.7*	*-3.3*	*12.4*	*2.1*	*6.8*
Perbelanjaan mengurus	49.2	99.1	55.2	51.7	106.9
% pertumbuhan tahunan	*2.0*	*5.6*	*10.6*	*5.2*	*7.9*
Akaun semasa	**2.4**	**-3.7**	**-6.0**	**0.9**	**-5.1**
% daripada KDNK	***1.0***	***-0.8***	***-2.3***	***0.4***	***-1.0***
Perbelanjaan pembangunan bersih	6.8	15.6	7.0	7.0	14.0
% pertumbuhan tahunan	*-22.4*	*-7.6*	*-20.9*	*2.7*	*-10.6*
Imbangan keseluruhan	**-4.4**	**-19.4**	**-13.0**	**-6.1**	**-19.1**
% daripada KDNK	***-1.9***	***-4.1***	***-5.1***	***-2.3***	***-3.7***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	56.0	114.7	62.2	58.7	120.9
% pertumbuhan tahunan	*-1.8*	*3.6*	*5.9*	*4.9*	*5.4*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	519.3	519.3	560.6	568.9	568.9
% daripada KDNK	*52.6*	*52.6*	*52.2*	*53.0*	*53.0*
Hutang dalam negeri	360.9	360.9	398.4	395.9	395.9
% daripada KDNK	*36.6*	*36.6*	*37.1*	*36.9*	*36.9*
Hutang luar negeri[1]	158.4	158.4	162.1	173.0	173.0
% daripada KDNK	*16.1*	*16.1*	*15.1*	*16.1*	*16.1*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin[2]	*142.0*	*142.0*	*145.7*	*156.7*	*156.7*
% daripada KDNK	*14.4*	*14.4*	*13.6*	*14.6*	*14.6*
Peminjaman luar pesisir	*16.5*	*16.5*	*16.5*	*16.2*	*16.2*
% daripada KDNK	*1.7*	*1.7*	*1.5*	*1.5*	*1.5*

[a] Awalan
[1] Merujuk kepada hutang luar negeri yang diberikan definisi semula
[2] Merujuk kepada pemegangan hutang Kerajaan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin (Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Bil-bil Perbendaharaan dan Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan) yang diklasifikasikan sebagai hutang dalam negeri di bawah definisi terdahulu

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 3.00% pada suku kedua tahun 2014. Pada paras OPR ini, keadaan monetari kekal menyokong aktiviti ekonomi.

Dengan OPR tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) stabil pada suku kedua. Pada tempoh antara 1 April dan 30 Jun 2014, AOIR bergerak dalam julat 2.95% hingga 3.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang 1 bulan dan kurang daripada 1 bulan juga secara amnya stabil. Walau bagaimanapun, kadar antara bank 3 bulan terus meningkat sepanjang suku tersebut kerana pemberi pinjaman antara bank mengutamakan peminjaman jangka lebih pendek, selaras dengan peralihan deposit mereka kepada tempoh matang yang lebih pendek. Trend ini makin ketara ekoran jangkaan kenaikan OPR antara bulan Mei hingga Julai yang menyebabkan pergerakan menaik terhadap kadar antara bank.

Kadar bagi swap kadar faedah dan kadar niaga hadapan 3 bulan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) juga meningkat pada suku kedua dalam keadaan pasaran menjangkakan OPR akan dinaikkan pada separuh kedua tahun 2014.

Kadar deposit runcit stabil pada suku kedua. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Jun 2014, kadar FD disebut purata bank perdagangan bagi tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.91% hingga 3.15%.

Kadar pinjaman dalam ekonomi juga secara amnya stabil sepanjang suku tersebut. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul adalah stabil (akhir bulan Jun 2014: 5.37%; akhir bulan Mac 2014: 5.39%). Walau bagaimanapun, kadar pinjaman bagi pinjaman kereta mencerminkan peningkatan dalam amalan pengurusan risiko oleh bank. Namun,

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2013	2014	
	S2	S1	S2
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	3.00	3.00	3.00
1 bulan	3.08	3.06	3.54
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.53	6.53
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.43	5.39	5.37
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.91	2.91	2.91
12 bulan	3.15	3.15	3.15

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

kos pinjaman keseluruhan terus berada hampir pada paras sebelum Krisis Kewangan Global.

Dalam keadaan prospek pertumbuhan yang kukuh serta jangkaan bahawa inflasi akan kekal melebihi purata jangka panjangnya, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) memutuskan untuk menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada 10 Julai 2014. Pelarasan dalam tahap dasar monetari yang akomodatif juga bertujuan mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang meluas, yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan jangka lebih panjang ekonomi Malaysia.

Kadar pinjaman borong dan runcit serta kadar deposit dinaikkan kepada paras yang selaras dengan paras OPR semasa. BLR purata bank perdagangan meningkat kepada 6.78%, dengan kebanyakan bank perdagangan menaikkan BLR masing-masing sebanyak 25 mata asas. Para pendeposit juga mendapat manfaat melalui kadar pulangan yang lebih tinggi bagi simpanan mereka berikutan kenaikan OPR. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata meningkat antara 15 hingga 17 mata asas kepada julat yang lebih tinggi iaitu 3.07% hingga 3.30% pada akhir bulan Julai. Meskipun OPR lebih tinggi, keadaan monetari terus kekal menyokong aktiviti ekonomi.

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang pada suku kedua. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM2.2 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 10.2% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2014: 11.4%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM19.8 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.6% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 5.9%).

Peningkatan M3 pada suku kedua didorong oleh pemberian kredit yang berterusan kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan tuntutan bersih lebih tinggi terhadap Kerajaan. Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi sebahagiannya oleh penyusutan aset asing bersih.

Dalam sistem perbankan, terdapat keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia secara relatif stabil pada suku kedua.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta terus kukuh pada suku kedua

Pada suku kedua, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM281.0 bilion (S1 2014: RM282.2 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 9.1% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2014: 9.6%).

Peminjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan meningkat lebih rendah sebanyak RM8.0 bilion pada suku kedua (S1 2014: RM11.0 bilion). Pertumbuhan tahunan pinjaman perniagaan terkumpul juga menjadi sederhana kepada 7.2% pada suku itu (akhir bulan Mac 2014: 8.8%) disebabkan oleh pertumbuhan lebih kukuh dalam pembayaran balik pinjaman berbanding dengan pengeluaran pinjaman. Walau bagaimanapun, paras pengeluaran pinjaman kepada perniagaan masih mampan pada suku itu, dengan pinjaman

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
M3	**23.3**	**67.7**	**21.7**	**19.8**	**41.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	2.3	10.8	7.0	3.1	10.1
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.2	54.2	24.7	29.2	53.9
Pinjaman	*30.8*	*52.4*	*24.9*	*26.4*	*51.3*
Sekuriti	*-0.6*	*1.9*	*-0.2*	*2.9*	*2.6*
Aset asing bersih[1]	-6.8	0.8	-4.7	-6.6	-11.4
BNM	*-2.1*	*4.2*	*-18.0*	*3.1*	*-14.9*
Sistem Perbankan	*-4.7*	*-3.4*	*13.3*	*-9.7*	*3.6*
Pengaruh lain	-2.4	1.9	-5.3	-6.0	-11.2

[1] Sebelum penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2013		2014			2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
Jumlah pembiayaan kasar	**247.4**	**490.5**	**282.2**	**281.0**	**563.2**	**-8.6**	**-10.1**	**16.1**	**13.6**	**14.8**
Pengeluaran pinjaman*	231.5	451.6	258.4	258.1	516.5	-3.1	-4.1	17.4	11.5	14.4
PDS kasar**	11.1	33.1	19.6	17.7	37.3	-43.5	-46.1	-11.1	59.8	12.6
Ekuiti	4.8	5.8	4.2	5.2	9.4	-60.0	-56.5	320.7	7.2	61.2
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**32.6**	**66.0**	**32.3**	**28.9**	**61.2**	**9.2**	**9.2**	**9.6**	**9.1**	**9.1**
Sistem perbankan	31.2	56.0	22.1	27.8	49.9	9.7	9.7	9.7	9.2	9.2
Pinjaman terkumpul (A)	*32.8*	*56.2*	*21.0*	*25.9*	*46.9*	*9.1*	*9.1*	*10.2*	*9.3*	*9.3*
Pemegangan PDS	*-1.6*	*-0.2*	*1.1*	*1.9*	*3.1*	*18.1*	*18.1*	*3.4*	*7.4*	*7.4*
PDS terkumpul (B)	-0.3	9.9	11.3	3.0	14.3	9.4	9.4	7.7	8.5	8.5
Memorandum										
PDS kasar***	11.8	34.4	20.5	18.5	39.1	-42.6	-47.3	-9.1	56.5	13.4

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
** Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
*** Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
						(%)	
	S2 13	S1 13	S1 14	S2 14	ST 1 14		
Perusahaan perniagaan	**158.5**	**307.7**	**184.0**	**180.9**	**364.9**	**70.6**	**42.8**
Syarikat besar	*101.9*	*195.6*	*128.4*	*123.8*	*252.2*	*48.8*	*26.2*
*PKS**	*56.6*	*112.1*	*55.6*	*57.0*	*112.6*	*21.8*	*16.6*
Sektor terpilih							
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	8.2	17.0	8.7	7.2	15.9	3.1	2.5
Perlombongan dan kuari	2.3	4.5	3.5	3.9	7.4	1.4	0.7
Perkilangan	48.0	95.1	54.4	52.8	107.2	20.7	7.7
Pembinaan	13.9	27.5	16.8	14.5	31.3	6.1	4.1
Harta tanah	10.9	19.7	12.9	11.7	24.7	4.8	6.0
Bekalan elektrik, gas dan air	3.5	5.4	2.6	2.1	4.7	0.9	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	43.9	87.8	53.7	52.8	106.5	20.6	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	3.8	7.1	5.7	7.4	13.1	2.5	2.4
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	17.1	31.5	18.9	21.2	40.1	7.8	6.5
Isi rumah	**73.0**	**143.9**	**74.4**	**77.3**	**151.7**	**29.4**	**57.2**
Pembelian harta kediaman	18.4	35.2	19.7	20.0	39.7	7.7	27.1
Kredit penggunaan	41.5	82.8	40.3	42.1	82.4	15.9	18.2
Antaranya:							
Kad kredit	*23.3*	*46.0*	*24.2*	*24.5*	*48.7*	*9.4*	*2.7*
Pembelian kereta penumpang	*10.1*	*21.0*	*9.0*	*9.6*	*18.6*	*3.6*	*10.9*
Lain-lain	13.1	25.8	14.4	15.2	29.6	5.7	11.9
Jumlah	**231.5**	**451.6**	**258.4**	**258.1**	**516.5**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

yang dikeluarkan kepada PKS meningkat RM1.4 bilion berbanding dengan suku sebelumnya. Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh perniagaan juga meningkat dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi dicatat merentas sektor utama.

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak RM18.6 bilion pada suku kedua (S1 2014: RM15.9 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak 11.5% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2014: 11.6%).

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2013		2014			2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
Jumlah										
Permohonan pinjaman	208.7	395.9	185.6	207.5	393.1	-5.8	-5.3	-0.9	-0.6	-0.7
Kelulusan pinjaman	103.9	191.3	91.1	98.1	189.2	-6.8	-5.0	4.2	-5.6	-1.1
Pengeluaran pinjaman	231.5	451.6	258.4	258.1	516.5	-3.1	-4.1	17.4	11.5	14.4
Bayaran balik pinjaman	207.6	415.2	245.9	239.7	485.6	1.1	1.9	18.4	15.5	16.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	32.8	56.2	21.0	25.9	46.9	9.1	9.1	10.2	9.3	9.3
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan**										
Permohonan pinjaman	91.6	176.2	86.2	91.2	177.5	-20.5	-20.1	1.9	-0.4	0.7
Kelulusan pinjaman	42.9	77.4	34.8	35.1	69.9	-25.9	-25.0	0.7	-18.1	-9.7
Pengeluaran pinjaman	158.5	307.7	184.0	180.9	364.9	-9.4	-7.5	23.3	14.1	18.6
Bayaran balik pinjaman	144.9	289.2	179.5	175.8	355.4	-2.8	-1.2	24.4	21.3	22.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	13.7	20.8	11.0	8.0	18.9	8.1	8.1	8.8	7.2	7.2
PKS**										
Permohonan pinjaman	48.9	92.6	43.4	46.6	90.0	10.2	-6.1	-0.5	-4.8	-2.8
Kelulusan pinjaman	19.3	35.2	15.1	16.2	31.3	-27.0	-17.8	-5.3	-15.8	-11.1
Pengeluaran pinjaman	56.6	112.1	55.6	57.0	112.6	-0.8	5.7	0.2	0.7	0.4
Bayaran balik pinjaman	51.4	103.0	52.7	53.9	106.5	12.8	13.5	2.1	4.7	3.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.8	13.7	7.1	5.8	12.9	13.1	13.1	13.0	11.4	11.4
Syarikat besar										
Permohonan pinjaman	42.7	83.6	42.8	44.6	87.4	-39.7	-31.4	4.4	4.6	4.5
Kelulusan pinjaman	23.6	42.2	19.7	18.9	38.6	-24.9	-30.1	5.9	-20.0	-8.6
Pengeluaran pinjaman	101.9	195.6	128.4	123.8	252.2	-13.6	-13.6	37.0	21.6	29.0
Bayaran balik pinjaman	93.5	186.2	126.8	122.0	248.8	-9.7	-7.9	36.9	30.5	33.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.9	7.0	3.9	2.2	6.1	4.6	4.6	5.7	4.1	4.1
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	117.1	219.7	99.4	116.3	215.7	10.1	11.2	-3.1	-0.7	-1.8
Kelulusan pinjaman	61.0	113.9	56.3	63.0	119.3	13.8	16.0	6.5	3.2	4.7
Pengeluaran pinjaman	73.0	143.9	74.4	77.3	151.7	14.1	3.9	5.1	5.8	5.5
Bayaran balik pinjaman	62.7	126.1	66.3	63.9	130.2	11.6	10.0	4.7	1.9	3.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	17.2	33.3	15.9	18.6	34.6	11.7	11.7	11.6	11.5	11.5

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana bersih lebih rendah diperoleh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih rendah pada RM17.2 bilion pada suku kedua (S1 2014: RM39.4 bilion). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh terbitan sekuriti kerajaan dan hutang swasta yang lebih rendah dan disertai dengan penebusan yang lebih tinggi dalam kedua-dua sektor itu.

Dalam sektor swasta, terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) baharu berjumlah RM18.5 bilion (S1 2014: RM20.5 bilion). Dana yang diperoleh sebahagian besarnya adalah daripada terbitan dalam sektor *pembinaan* dan *kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan,* bertujuan untuk modal kerja dan perbelanjaan am korporat. Sementara itu, terbitan ekuiti

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**10.2**	**18.2**	**24.0**	**8.5**	**32.5**
Sekuriti Kerajaan, bersih	12.6	18.9	20.0	5.9	25.9
Sekuriti Kerajaan Malaysia	12.6	26.1	14.5	11.9	26.4
Terbitan Pelaburan Kerajaan	12.0	22.0	9.0	10.0	19.1
Tolak: Penebusan	*12.0*	*29.2*	*3.5*	*16.0*	*19.5*
Bon Simpanan, *bersih*	(2.4)	(2.4)	-	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan, *bersih*	-	1.7	4.0	2.6	6.6
Oleh Sektor Swasta	**3.7**	**12.4**	**15.4**	**8.7**	**24.0**
Saham	4.8	5.8	4.2	5.2	9.4
Sekuriti hutang, *bersih*	(1.1)	6.6	11.2	3.5	14.7
Sekuriti Hutang Swasta	*11.8*	*34.4*	*20.5*	*18.5*	*39.1*
Tolak: Penebusan	*12.9*	*27.9*	*9.4*	*15.0*	*24.4*
Jumlah	**13.9**	**30.6**	**39.4**	**17.2**	**56.6**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am, dan terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

pada suku itu berjumlah RM5.2 bilion (S1 2014: RM4.2 bilion). Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM8.7 bilion (S1 2014: RM15.4 bilion).

Dalam sektor awam, dana kasar yang diperoleh menurun sedikit kepada RM24.5 bilion (S1 2014: RM27.5 bilion). Dana diperoleh melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Security, MGS) 5 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 3 tahun, serta pembukaan semula MGS 3 tahun, 10 tahun dan 20 tahun dan GII 7 tahun dan 14 tahun. Kerajaan turut menerbitkan Sukuk Perumahan Kerajaan sebanyak RM2.6 bilion pada suku kedua.

Kadar hasil bon jangka pendek dan sederhana meningkat

Kadar hasil MGS dalam tempoh jangka pendek dan sederhana dalam keluk kadar hasil meningkat, didorong terutamanya oleh jangkaan pasaran bahawa OPR akan dinaikkan. Walau bagaimanapun, peningkatan kadar hasil MGS ini sebahagiannya diimbangi oleh permintaan yang berterusan untuk MGS oleh bukan pemastautin, berikutan sentimen positif selepas pengumuman data ekonomi dalam negeri yang lebih baik daripada jangkaan. Kadar hasil MGS 3 tahun dan 5 tahun masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 11 dan 8 mata asas, manakala MGS 10 tahun mencatat penurunan

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

sebanyak 7 mata asas. Kadar hasil bon korporat yang mempunyai penarafan lebih tinggi turut bergerak seiring dengan peningkatan kadar hasil MGS. Kadar hasil bon korporat berpenarafan AAA dan AA 5 tahun masing-masing meningkat sebanyak 7 dan 4 mata asas.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon meningkat

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM152 bilion pada suku kedua (S1 2014: RM137 bilion) disokong terutamanya oleh segmen GII dengan nisbah mudah tunai yang lebih tinggi pada 0.25. Nisbah mudah tunai dalam segmen MGS dan PDS secara relatif tidak berubah, masing-masing pada 0.26 dan 0.06.

Prestasi positif FBM KLCI

Pada suku kedua, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI meningkat sebanyak 33.5 mata untuk ditutup pada 1,882.7 mata (akhir bulan Mac 2014: 1,849.2 mata). Indeks disokong terutamanya oleh minat pelabur asing yang timbul semula berikutan pengumuman data ekonomi dalam negeri dan global yang lebih baik daripada jangkaan. Walau bagaimanapun peningkatan ini diimbangi sebahagiannya oleh kebimbangan terhadap perkembangan geopolitik yang meruncing. Secara keseluruhan, permodalan pasaran meningkat kepada RM1.77 trilion pada akhir bulan Jun 2014 (akhir bulan Mac 2014: RM1.72 trilion) manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1.88 bilion unit (S1 2014: 2.05 bilion unit).

Pada 13 Ogos 2014, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,858.0 mata (sejak akhir bulan Jun 2014: -1.31%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.78 trilion (sejak akhir bulan Jun 2014: 0.55%).

Kekukuhan ringgit didorong oleh faktor luaran dan dalaman

Ringgit dan kebanyakan mata wang serantau lain menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) berikutan prospek pertumbuhan serantau yang kukuh

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2014 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2013	2014	
	Pada akhir		
	Jun	Mac	Jun
Indeks Harga Komposit	1,773.5	1,849.2	1,882.7
FBMEMAS[1]	12,304.9	12,797.6	13,049.8
Pasaran ACE[2]	4,684.5	6,661.3	6,668.8
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,598.8	1,719.1	1,770.4
Bilangan syarikat tersenarai	910	907	906
	Pada tempoh		
	S2	S1	S2
Urus niaga harian purata			
Jumlah (juta unit)	1,714.8	2,046.4	1,876.3
Nilai (RM juta)	2,464.4	2,158.8	2,192.4

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

dan dasar monetari yang sangat akomodatif dan berterusan di Amerika Syarikat telah mengekalkan minat pelabur terhadap pasaran kewangan serantau. Sentimen positif susulan pengumuman data ekonomi dalam negeri yang lebih baik daripada jangkaan, terutamanya pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada suku pertama dan kadar pertumbuhan eksport yang lebih kukuh juga menyokong ringgit. Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 1.8% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (2.6%) dan yen Jepun (0.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.6%) dan dolar Australia (-0.2%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2013				2014					
	S2		ST1		S1		S2		ST1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	108.0	150.3	170.1	249.8	120.7	127.4	118.2	138.1	238.9	265.5
Antaranya:										
Papan Utama	91.4	147.3	140.3	245.2	91.3	119.7	91.4	131.8	182.7	251.5
Antaranya										
Produk Pengguna	4.5	6.3	7.6	11.6	8.4	7.1	6.2	6.0	14.6	13.2
Produk Industri	19.6	13.3	28.3	20.3	18.9	13.1	16.2	12.5	35.0	25.6
Pembinaan	5.0	9.3	7.4	13.2	4.0	5.9	5.1	7.1	9.1	13.0
Dagangan/Khidmat	28.7	55.0	45.3	97.3	33.9	51.9	36.4	54.8	70.3	106.7
Kewangan	5.4	34.6	8.9	56.5	3.4	18.8	3.9	27.0	7.3	45.8
Harta Benda	11.5	13.8	16.7	19.5	10.5	7.8	11.9	9.7	22.4	17.5
Perladangan	1.2	4.9	2.4	9.7	1.7	5.4	1.5	5.5	3.2	10.9
Infrastruktur	1.6	5.1	2.9	9.3	1.5	4.7	1.5	4.4	3.0	9.1
Pasaran ACE[1]	13.7	2.4	24.2	3.7	26.8	7.0	22.9	5.5	49.8	12.6

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Antara 1 Julai hingga 13 Ogos 2014, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 0.6%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (2.7%), dolar Australia (2.1%), paun sterling (2.0%) dan yen Jepun (1.6%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 April - 30 Jun 2014)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti derivatif pertukaran asing meningkat

Jumlah swap pertukaran asing, niaga hadapan dan opsyen adalah lebih tinggi pada RM293.8 bilion pada suku kedua, iaitu peningkatan sebanyak 19.4% berbanding dengan suku sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh aktiviti swap pertukaran asing yang menyumbang 86% daripada jumlah urus niaga derivatif pertukaran asing. Jumlah yang lebih tinggi ini turut mencerminkan pengurusan mudah tunai dolar AS yang lebih aktif dan dedahan oleh bank berikutan aliran masuk portfolio yang bertambah pada suku tersebut. Swap dolar AS terhadap aktiviti mata wang ketiga (kecuali ringgit) seperti renmimbi China luar pesisir (CNH) dan dolar Australia (AUD) juga bertambah, apabila bank meningkatkan pemegangan mereka dalam mata wang yang mempunyai kadar hasil yang secara relatif lebih tinggi ini untuk menambah pulangan.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S2 13	S1 14	S2 14	21 Jul 05	S2 13	S1 14
Dolar AS	3.8000	3.1785	3.2685	3.2105	18.4	-1.0	1.8
Euro	4.6212	4.1535	4.4934	4.3806	5.5	-5.2	2.6
Paun sterling	6.6270	4.8537	5.4354	5.4672	21.2	-11.2	-0.6
Dolar Australia	2.8823	2.9414	3.0173	3.0235	-4.7	-2.7	-0.2
100 yen Jepun	3.3745	3.2160	3.1770	3.1690	6.5	1.5	0.3
Dolar Singapura	2.2570	2.5130	2.5927	2.5703	-12.2	-2.2	0.9
100 baht Thailand	9.0681	10.197	10.077	9.8937	-8.3	3.1	1.9
100 peso Filipina	6.8131	7.3491	7.2795	7.3589	-7.4	-0.1	-1.1
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0320	0.0288	0.0269	43.6	19.0	7.0
100 won Korea	0.3665	0.2774	0.3065	0.3173	15.5	-12.6	-3.4
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	10.602	10.727	10.751	10.6	-1.4	-0.2
Renminbi China	0.4591	0.5172	0.5251	0.5172	-11.2	0.0	1.5

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sementara itu, kos peminjaman dolar AS melalui pasaran swap mata wang bersilang berkurang, dengan swap mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun menyusut daripada 78 mata asas pada bulan Mac kepada 70 mata asas pada bulan Jun. Ini menandakan kos peminjaman yang lebih rendah bagi LIBOR + 70 mata asas (S1 2014: LIBOR + 78 mata asas) kerana mudah tunai dolar AS dalam pasaran dalam negeri bertambah baik.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan pada suku kedua dalam keadaan pasaran kewangan global dan domestik yang bertambah baik. Pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan.

Risiko kredit kekal terurus berikutan keupayaan membayar balik hutang yang berterusan oleh peminjam

Risiko kredit dalam sistem perbankan terus stabil sepanjang suku kedua, disokong secara amnya oleh keupayaan membayar balik hutang yang berterusan oleh peminjam. Paras pinjaman terjejas bersih stabil pada 1.3% daripada pinjaman bersih (S1 2014: 1.3%) manakala paras pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan menurun sedikit kepada 2.7% daripada jumlah pinjaman (S1 2014: 2.8%). Saiz dedahan risiko kredit industri insurans, terutamanya melalui pemegangan sekuriti hutang swasta dan penempatan insurans semula, terus stabil pada 3.5% daripada modal asas (S1 2014: 3.3%).

Agregat peminjaman isi rumah melalui bank dan institusi kewangan bukan bank utama meningkat sebanyak 2.5% pada suku kedua kepada RM897.8 bilion (S1 2014: 2.3%; RM875.5 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pembiayaan yang berterusan untuk pembelian harta benda dan kenderaan bermotor serta baki kad kredit. Pada asas tahunan, hutang isi rumah agregat terus meningkat pada kadar lebih sederhana sebanyak 10.3% (S1 2014: 11%; S4 2013: 11.5%). Kenaikan harga rumah yang lebih perlahan, seperti yang dicerminkan dalam Indeks Harga Rumah Malaysia (awalan S1 2014: 8%; S4 2013: 9.6%), kemungkinan menunjukkan kesan awal langkah yang dipertingkat oleh Kerajaan untuk tidak menggalakkan pembelian spekulatif.

Ini akan menyumbang kepada beban hutang keseluruhan yang lebih rendah bagi isi rumah kerana peminjaman bagi pembelian harta kediaman masih menjadi komponen hutang isi rumah terbesar iaitu kira-kira 45%.

Kualiti hutang isi rumah terus baik. Pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak sektor isi rumah antara satu hingga tiga bulan masing-masing terus mencakupi 1.2% dan 2.0% daripada jumlah peminjaman oleh sektor perbankan dalam keadaan guna tenaga yang stabil dan pertumbuhan upah yang mampan. Pada paras agregat, aset kewangan isi rumah terus kukuh pada 2.2 kali daripada hutang isi rumah. Susulan pelaksanaan langkah kehematan makro dan mikro, kualiti hutang isi rumah baharu terus bertambah baik dengan nisbah khidmat bayaran hutang lebih rendah dilaporkan oleh bank untuk peminjaman baharu, terutamanya antara peminjam dalam kumpulan pendapatan lebih rendah. Bank Negara Malaysia akan terus memastikan tahap kewaspadaan yang tinggi terhadap amalan pinjaman oleh institusi kewangan, termasuk segmen pembiayaan peribadi.

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko kredit daripada dedahan kepada sektor perniagaan kekal terurus. Keupayaan membayar balik hutang oleh sektor perniagaan bertambah baik, disokong oleh hasil dan kecekapan operasi yang berterusan. Nisbah perlindungan faedah agregat bagi sektor perniagaan terus kukuh pada 7.2 kali pada suku pertama (S4 2013: 9 kali), manakala leveraj seperti yang diukur oleh nisbah hutang

kepada ekuiti tidak berubah pada 39.7%. Aset semasa stabil pada 1.8 kali daripada liabiliti semasa (S4 2013: 1.8 kali). Peminjaman domestik (pinjaman, sekuriti hutang swasta dan sukuk) oleh perniagaan berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 1.0% pada suku kedua (S1 2014: 1.4%). Pada asas tahunan, peningkatan juga lebih perlahan pada 5.9% (S1 2014: 7.2%), didorong terutamanya oleh sektor berkaitan harta tanah. Peminjaman luar negeri sektor perniagaan juga meningkat pada kadar lebih sederhana pada suku pertama (1.6%; S4 2013: 2%). Pada asas tahunan, peningkatan turut dicatat pada kadar lebih sederhana sebanyak 20.4% (S4 2013: 22.6%). Sejumlah besar peminjaman luar negeri terdiri daripada pembiayaan pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia di pelbagai lokasi berbeza dan dalam sektor ekonomi yang lebih intensif modal seperti sektor minyak dan gas, telekomunikasi dan kuasa. Peminjaman dalam kumpulan bagi operasi di Malaysia untuk meningkatkan kecekapan pendanaan juga menyumbang kepada peminjaman luar negeri yang lebih tinggi. Berdasarkan satu kajian, kebanyakan peminjaman luar negeri ini dilindung nilai terhadap risiko pertukaran asing melalui hasil operasi luar negeri dan instrumen derivatif. Menurut analisis kepekaan Bank, syarikat-syarikat besar dengan peminjaman luar negeri yang banyak dan kandungan import yang tinggi dinilai sebagai lebih berupaya untuk menangani pergerakan mata wang yang lebih tidak menentu, dan dengan itu mengehadkan potensi kerugian kredit kepada sistem perbankan. Kualiti dedahan kredit sistem perbankan kepada perniagaan terus kukuh pada suku kedua, dengan pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan masing-masing tidak berubah pada 2.7% dan 0.5% daripada jumlah pinjaman perniagaan. Risiko mungkir, seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, kekal rendah dan bertambah baik kepada 0.15% (S1 2014: 0.18%) berikutan prestasi kewangan perniagaan yang mampan.

Ketidaktentuan dalam aliran portfolio jangka pendek diurus dengan baik tanpa mengganggu pasaran kewangan domestik dan aktiviti pengantaraan. Purata ketidaktentuan bagi kadar hasil MGS 10 tahun dan FBM KLCI masing-masing terus menyusut kepada 6.6% dan 6.4% (S1 2014: masing-masing 10.6% dan 7.1%) dalam keadaan ekonomi global yang bertambah baik dan jangkaan dasar monetari yang sangat akomodatif dan berterusan oleh Federal Reserve. Kekukuhan perolehan korporat yang dicatat pada suku pertama meningkatkan lagi sentimen pasaran, manakala permintaan bagi ekuiti dan bon oleh institusi tempatan terus mantap. Spread bida tawar MGS dan FBM KLCI masing-masing berpurata pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan (S1 2014: masing-masing 0.1% dan 0.4%). Nisbah pusing ganti MGS dan FBM KLCI masing-masing terus stabil pada 8.5% dan 2.0% (S1 2014: masing-masing 9.1% dan 1.8%). Kadar bagi swap kadar faedah dan niaga hadapan KLIBOR 3 bulan terus stabil walaupun tinggi, mencerminkan jangkaan pasaran yang berterusan terhadap kenaikan OPR pada separuh kedua tahun 2014.

Dedahan risiko pasaran terus diurus dengan baik oleh institusi kewangan

Amalan pengambilan risiko keseluruhan oleh institusi kewangan secara amnya tidak berubah apabila strategi pengurusan risiko dan perlindungan nilai yang aktif terus menjadi amalan dalam kalangan bank. Dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan mereka mencakupi 1.7% daripada jumlah modal (S1 2014: 1.7%). Dedahan kepada risiko ekuiti meningkat sedikit dan mencakupi 1.3% daripada jumlah modal (S1 2014: 0.9%), manakala kedudukan terbuka bersih pertukaran asing sistem perbankan menurun kepada 5.9% daripada jumlah modal pada suku itu (S1 2014: 6.2%). Dedahan risiko pasaran industri insurans

Sistem Perbankan: Permodalan Mengikut Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

meningkat sedikit untuk mencakupi 12.5% (S1 2014: 12.4%) daripada jumlah modal tersedia, didorong oleh pelaburan yang lebih tinggi dalam ekuiti sebanyak RM43.8 bilion (S1 2014: RM42.2 bilion).

Sektor kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.2%, 13% dan 14.8%. Jumlah penampan modal sistem perbankan melebihi RM80 bilion. Lebih 80% daripada jumlah modal bank terdiri daripada modal berkualiti tinggi, seperti yang ditunjukkan oleh paras CET1 yang kukuh, dalam bentuk modal berbayar, perolehan tertahan dan rizab. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal kukuh pada 249.7% (S1 2014: 249.7%), dengan penampan modal melebihi RM25.7 bilion.

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi berjumlah RM8.1 bilion pada suku kedua (S1 2014: RM8 bilion), dengan pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.5% dan 15.8% (S1 2014: masing-masing 1.5% dan 16%). Dalam sektor insurans, lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga meningkat kepada RM4.6 bilion (S1 2014: RM3.2 bilion) kerana keuntungan daripada

Sistem Perbankan: Untung Sebelum Cukai



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2013		2014		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	4,620.60	8,387.3	3,212.9	4,606.3	7,819.2
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	628.4	1,275.2	664.1	708.9	1,373.0
Nisbah tuntutan (%)	57.9	57.9	54.9	56.9	56.9
	Perubahan tahunan (%)				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	-3.3	-30.2	-14.7	-0.3	-6.8
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	13.1	5.0	2.7	12.8	7.7
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-2.2	-2.2	-5.8	-1.0	-1.0

Sumber: Bank Negara Malaysia

penjualan aset, pendapatan pelaburan bersih dan premium bersih yang lebih tinggi pada suku tersebut. Penanggung insurans am dan pengendali takaful am juga mencatat keuntungan operasi yang lebih tinggi sebanyak RM708.9 juta (S1 2014: RM664.1 juta) disebabkan oleh peningkatan pendapatan premium diperoleh dan pendapatan pelaburan bersih.

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi dengan penampan yang memadai untuk memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek dalam tempoh satu minggu dan satu bulan (S2 2014: 14.2% dan 14.6% daripada jumlah deposit; S1 2014: masing-masing 14.2%). Di samping itu, penempatan bersih oleh institusi perbankan dengan Bank Negara Malaysia, yang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan mudah tunai tambahan berjumlah RM115 bilion. Bank mencatat lebihan dolar AS yang lebih tinggi sebanyak RM16.9 bilion dan RM9.4 bilion masing-masing dalam kelompok matang kurang daripada satu minggu dan satu bulan (S1 2014: masing-masing lebihan sebanyak RM1.7 bilion dan RM7.9 bilion).